

SME Aerospace beli mesin buatan Malaysia

Daripada M Thillinadan

BH - 8 JUN 2000

NAGOYA, Rabu - SME Aerospace Sdn Bhd dan Yamazaki Mazak Corporation, Jepun hari ini menandatangani dua perjanjian pembelian dan penjualan serta sokongan teknikal dan perundingan di sini.

Perjanjian itu bagi SME Aerospace Sdn Bhd membeli 10 mesin kawalan berkomputer (CNC) yang dianggarkan bernilai kira-kira RM10 juta.

Pengarah Urusan SME Aerospace, Tan Sri Ahmad Johan, berkata pemeliharaan mesin itu adalah untuk memenuhi komitmen kontrak SME Aerospace kepada British Aerospace Systems (BAE Systems) bagi memuat beberapa komponen dan alat ganti bagi pesawat Boeing 767.

Boeing telah menganugerahkan kontrak membuat

komponen itu kepada BAE Systems yang kemudian menyerahkan kepada SME Aerospace. Kontrak bernilai RM90 bagi tempoh 10 tahun itu dijangka ditandatangani hujung bulan ini di Kuala Lumpur.

"Nilai kontrak itu (dengan BAE Systems) dijangka meningkat kepada RM200 juta, sebaik saja SME Aerospace bersedia meningkatkan keupayaan pengeluarannya," katanya dalam kenyataan selepas mewakili SME Aerospace menandatangani perjanjian dengan Yamazaki Mazak di sini, hari ini. Yamazaki Mazak diwakili Naib Presiden Eksekutifnya, Tony Yamazaki.

Majlis itu disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Turut hadir Duta Malaysia

ke Jepun, Datuk Marzuki Mohammad Noor dan Penasihat Sains Perdana Menteri, Tan Sri Omar Abdul Rahman.

Dr Mahathir dan isteri, Datin Seri Siti Hasmah tiba di sini pagi ini untuk lawatan kerja seminggu ke Jepun. Esok, Perdana Menteri herlepas ke Tokyo untuk menghadiri upacara pengkebumian bekas Perdana Menteri Jepun, Keizo Obuchi.

Beliau juga akan mengadakan perbincangan berasingan dengan Perdana Menteri Jepun, Yoshiro Mori dan Presiden Indonesia, Abdurrahman Wahid. Jumaat ini, Dr Mahathir akan menyertai mesyuarat tidak formal pemimpin Asean dengan Mori untuk membincangkan isu kepentingan bersama yang boleh

dikemukakan Mori dalam mesyuarat G-X yang dijadualkan di Okinawa, bulan depan.

Pada majlis itu, SME Aerospace turut menandatangani perjanjian berasingan dengan Yamazaki Mazak bagi sokongan teknikal dan perundingan.

Sementara itu, wakil Yamazaki Mazak dalam ucapan ringkas pada majlis itu, menyifatkan kontrak yang diperolehi daripada BAE Systems menjadikan Malaysia sebagai "pemain" baru dalam industri aeroangkasa serantau.

"Saya yakin dengan kepimpinan dan tunjuk ajar dari Dr Mahathir, Malaysia boleh mengatasi beberapa negara lain yang sudah menyertai industri aeroangkasa di rantau ini.

"Yamazaki Mazak bang-

ga kerana dipilih untuk turut serta dalam usahasama membekalkan BAE Systems dengan komponen buatan Malaysia.

"Melalui perjanjian kedua, kami akan membekalkan sokongan teknikal, perundingan, teknologi mesin,

operasi komputer dan peralatan kilang kepada SME Aerospace," katanya.

Sementara itu, BAE Systems juga dikatakan dalam proses penilaian terakhir memilih Malaysia untuk membuat sayap bagi pesawat terbaru, RJX Re-

gional Jet, yang dilancarkan baru-baru ini.

Ahmad berkata, perbincangan mengenainya kini pada peringkat akhir dan sekumpulan pegawai BAE dijangka tiba di Kuala Lumpur akhir bulan ini untuk membincangkan mengenai

perjanjian itu.

"Perjanjian itu jika menjadi kenyataan akan menjadikan Malaysia kuasa industri aeroangkasa baru di Asia Tenggara," katanya.

Difahamkan, kontrak bagi projek itu bernilai kira-kira RM800 juta.